

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: COLGIS - Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti & Alam Sekitar
Sent: Monday, 30 January, 2017 2:54 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Nurhazani Bt Mohd Shariff; Johan Afendi Bin Ibrahim; Dr. Kamal Izzuwan bin Ramli; Yus Asma Bt Yusoff
Subject: PERBINCANGAN AWAL BLUEPRINT EDUTOURISM UUM



**Pusat Pengajian Pengurusan
Pelancongan, Hospitaliti
dan Alam Sekitar**

SCHOOL OF TOURISM, HOSPITALITY,
AND ENVIRONMENTAL MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



PERBINCANGAN AWAL BLUEPRINT EDUTOURISM UUM

Untuk merealisasikan hasrat Universiti dalam bidang Edutourism, UUM telah mengadakan satu perbincangan awal untuk menetapkan Blueprint Edutourism UUM pada 22 Januari 2017 yang lalu.

Perbincangan yang julung-julung kali diadakan ini telah mengambil tempat di Bilik Mesyuarat Anjung Tamu dan dipengerusikan oleh Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar (PPPPHAS), Profesor Madya Dr. Nurhazani Mohd. Shariff.

Antara yang hadir dalam perbincangan tersebut yang mewakili pelbagai Pusat Tanggungjawab yang berkaitan adalah team PPPPHAS sendiri yang diketuai oleh Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan, Dr. Johan Afendi, Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Kadir Lebai Din, Penyelaras Program Pelancongan, En. Ahmad Edwin Mohamed, Puan Raslinda Mohd Ghazali. Selainnya adalah wakil dari Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), Prof. Madya Dr. Adzrool Idzwan Ismail; Pengarah Akademi Golf Negara, Prof. Madya Dr. Azman Yasin; Pengarah CUIC Prof. Madya Dr. Sobri Don; Dr. Fadzli Shah Abdul Aziz dan En. Amri Mahmud dari Jabatan HEP; Pn. Nor Azizah Ismail dari UKK, Canselori; Assistant Manager UTTSB Pn. Maya Myra; dan orang kuat Welcome Centre sendiri iaitu Pn. Hajah Rashidah.

Manakala kehadiran dari pihak tetamu luar adalah merupakan wakil-wakil industri dalam pelbagai bidang Pelancongan iaitu Yang Berbahagia Dato' Azlie Halim, CEO Intermediate Network yang menghasilkan majalah Santai Travel; Pn. Noraza Yusof, Tourism Consultant; dan Tn. Haji Zainuddin Kadir, Pengerusi Langkawi Tourism Association (LTA)

Antara perkara utama yang dibincangkan adalah tentang bagaimana untuk memberikan nafas baru terutamanya dalam *re-branding* dan *re-positioning* produk dan servis pelancongan UUM dalam menonjolkan konsep edutourism. PPPPHAS dianggap tempat terbaik untuk memberikan sumbangan yang amat besar bukan sahaja dari aspek tenaga pakar malah PPPPHAS mempunyai pelajar-pelajar yang berdedikasi dalam bidang pelancongan. Mereka adalah aset Universiti dan perlu dijadikan pakar rujuk oleh pihak yang terlibat membangunkan Blueprint Edutourism UUM.

Sebagai penutup perbincangan, dirumuskan bahawa satu bengkel yang lebih komprehensif perlu diadakan yang melibatkan lebih ramai pihak industri bagi mengenalpasti hala tuju yang mantap serta menyediakan perancangan yang lebih sistematik dan strategik bagi Blueprint Edutourism UUM.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ALAM SEKITAR

College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman



Universiti Pengurusan Terkemuka



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.